

**FASAL KETIGA
TAHANAN DAN
JAMINAN**

ASAL KETIGA : RA - BICARA DAN

TAHANAN JAMINAN

Tahanan Pra-bicara mengikut Kanun Prosedur Jenayah

Kanun Prosedur Jenayah sebenarnya tidak memberikan perisiran mengenai tahanan. Tetapi untuk tujuan kajian tahanan bolehlah ditafsirkan sebagai :

tahanan termasuklah tahanan oleh polis atau di bawah jagaan polis (police custody) bagi tujuan menjalankan soalsiasat terhadap sedituduh, ia juga termasuk tahanan terhadap sedituduh yang gagal menyempurnakan jaminan. Tahanan tidak hanya boleh dikenakan terhadap sedituduh. Walaupun saksi-saksi boleh ditahan apabila mereka gagal menyempurnakan bon jaminan atau penjamin yang dikehendaki . 2

Kanun Prosedur Jenayah juga tidak menyebut tahanan secara langsung. Tetapi ia dikaitkan dengan jaminan. Hal ini sebagaimana peruntukan seksyen 140(1)(b) tersebut iaitu mengenai bila orang yang sedituduh patut dilepaskan. Di mana subseksyen (iv) juga menyebut :

Jika Majistret itu berpendapat bahawa ada kerumitan atau hal-hal yang aneh berhubung dengan orang itu, atau apabila diarah begitu oleh Pendakwaraya, maka hendaklah ia menahan tertuduh itu atau membenarkan dia diberi jaminan..

Begitu juga seksyen 145(ii) membolehkan Majistret menahan mana-mana saksi di dalam penjara, jika mana-mana saksi tersebut enggan menyempurnakan bon jaminan untuk kehadirannya. Saksi-saksi tersebut boleh juga ditahan di dalam penjara jika mereka dikehendaki

mencari penjamin-jenjamin tetapi gagal berbuat demikian.

Manakala peruntukan seksyen 149 adalah lebih jelas menunjukkan perkaitan di antara tahanan dan jaminan.

Dalam seksyen tersebut memperuntukkan bahawa Majistret hendaklah mengkomit tertuduh dalam jagaan dengan waran singga dan dalam masa perbicaraan, tertakiuk kepada jaminan. Oleh itu peruntukan seksyen ini hendaklah baca tertakiuk kepada peruntukan berkenaan jaminan.

Seksyen 262 pula memberi kuasa kepada mahkamah menahan pesalah yang hadir dengan sendirinya ke mahkamah, walaupun tidak ditangkap atau di saman. Ini bertujuan untuk memeriksa sebarang kesalahan pesalah tersebut yang mana mahkamah itu berkuasa.

Manakala seksyen 117 pula mengenai tahanan polis atau jagaan polis. Di mana jika penyiasatan polis tidak dapat diselesaikan dalam masa dua puluh empat jam (24) am, polis berkenaan hendaklah merujuk kepada Majistret. Majistret dalam hai ini boleh memberi kuasa menahan orang yang tertuduh dalam mana-mana tahanan yang patut tidak lebih daripada 15 hari pada keseluruhannya.

2 Jaminan mengikut Kanun Prosedur Jenayah

Kanun Prosedur Jenayah telah membisu mengenai afsiran jaminan. Pun begitu untuk tujuan kajian ini jaminan bolehlah ditakrifkan sebagai :

a device for setting free an convicted or unsentenced accused. Such freedom is however condition upon the ability of the accused to provide adequate assurance of his presence at the trial. This assurance usually takes the form of a requirement for a surety.³

Bon jaminan boleh dikeluarkan untuk tujuan mengikat seseorang supaya berkelakuan baik⁴, atau untuk mengikat kehadiran semasa perbicaraan.⁵

Peruntukan mengenai undang-undang am jaminan telah disebut di dalam Bab XXXVIII Kanun Prosedur Jenayah bermula seksyen 387 hingga seksyen 394⁶.

Segala persoalan tentang jaminan samada terhadap kesalahan-kesalahan yang disebut di dalam Kanun Kesiksaan atau mana-mana undang-undang iain mestilah dirujuk kepada Bab XXXVIII Kanun Prosedur Jenayah, kecuali ada niat sebaliknya.⁷

Hal ini telah dijelaskan oleh mahkamah di dalam kes Salling Ram Iwn Emporar, dengan menyebut :

The commission of an offence does not ipso facto carry with it a right of bail. Such a right is dependent on the provision contained

in the statue under which the trial is held and to that statue alone can the court look for any right which the offender claims.

Persoalan boleh timbul tentang siapakah yang berhak memohon jaminan di sisi undang-undang ? Di dalam cas Muzafarudin lwn State of Hyderabad, mahkamah telah menjelaskan :

... none of the provision in the chapter 39 of the Criminal Procedure Code (which corresponds mutatis mutandis to our chapter XXXVIII) envisage a grant of bail to a person not arrested or detained or to put under some kind of restraint.

Sebetulnya pengertian jaminan itu sendiri dapat memberikan kefahaman bahawa ianya tidak bermaksud untuk orang yang tidak ditangkap. Kerana jika jaminan dibenarkan di dalam situasi ini akan mengakibatkan sekatan kepada pergerakan orang tersebut.¹⁰

Ini nampaknya, bahawa pemberian jaminan di bawah Bab XXXVIII semata-mata untuk orang yang dituduh dan akan vice versa seperti yang diingatkan oleh Privy Council di dalam kes Jairan Das lwn Emporar.¹¹

The only bonds executed under this chapter are executed by persons who are accused (not convicted) persons

Manakala jika kita melihat kepada peruntukan aktsyen 145(ii) (bukan dari Bab XXXVIII) didapati ia mengenai jaminan untuk kehadiran saksi-saksi. Di mana

aksi-saksi hendaklah menyempurnakan bon jamin untuk angkat kehadiran mereka semasa perbicaraan. Majistret sa mempunyai kuasa budibicara menghendaki dia mencari enjamin-penjamin untuk menentukan bon itu ditunaikan.

Untuk memudahkan kajian ini, kita boleh bahagikan kepada dua tajuk. Pertama jaminan terhadap kesalahan yang boleh dijamin dan keduanya, jaminan terhadap kesalahan yang tidak boleh dijamin.

Seksyen 2 Kanun Prosedur Jenayah telah memberikan tafsiran mengenai kesalahan yang boleh dijamin. Iaitu yang ditunjukkan demikian oleh Jadual Pertama Kanun tersebut dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa. Manakala kesalahan yang tidak boleh dijamin ialah mana-mana kesalahan selainnya.

2.1 Jaminan terhadap kesalahan yang boleh dijamin

Jaminan terhadap kesalahan yang boleh dijamin ialah disebut ai dalam seksyen 387 Kanun Prosedur Jenayah. Di mana seksyen tersebut telah menetapkan wajipan berkanun kepada mahkaman atau mana-mana Ketua Polis (Officer in Charge of Police Station), atau mana-mana pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Koperai untuk melepaskan dengan jaminan

sesorang yang terlibat di dalam kesalahan yang boleh dijamin.

walaupun seksyen 387(i) ini menggunakan perkataan pada bila-bila masa . . . ia bersedia memberi jamin", "hendaklah" dilepaskan dengan jaminan oleh mahkamah atau pegawai polis. Tetapi orang yang tertuduh mestilah juga bersedia dan berupaya memberikan jaminan.¹²

Manakala subseksyen (ii) pula membenarkan mahkamah atau pegawai polis melepaskan orang yang tertuduh dengan bon personal. Di sini dia tidak likehendaki mengemukakan penjamin.

Ini bermakna bahawa sidituduh atau orang yang tertuduh tidak boleh diletakkan di bawah jagaan polis secuali dia telah tidak berupaya dan tidak berkemampuan memberikan jaminan atau melaksanakan satu bon personal.¹³

Di dalam kes R lwn Lim Kwang Seng¹⁴, Yang Arif Hakim Whitten berpendapat bahawa seksyen 406 (yang sama dengan seksyen 387 kita) mana-mana orang yang dituduh melakukan kesalahan boleh jamin yang bersedia memberi jaminan mestilah dibebaskan oleh pihak polis atau mahkamah. Hakim Yang Arif selanjutnya menegaskan bahawa

baupun seksyen ini membisu, tetapi dapatlah dianggap bahawa jaminan yang diperlukan ialah jumlah yang cara munasabah dianggap mencukupi untuk memastikan situduh hadir pada masa perbicaraan.

Memandangkan peruntukan ini imperatif Majistret atau Yang diPertua tidak mempunyai budibicara di dalam ai pemberian jaminan. Selain daripada menetapkan mian jaminan mereka dilarang daripada mengenakan warat-syarat lain kecuali keperluan kepada sekuriti penjamin.¹⁵

Kedudukan di Malaysia sama juga seperti di India. Sukan sahaja kerana undang-undang prosedur jenayah di Malaysia adalah in pari materia dengan undang-undang di India, tetapi keputusan untuk membenarkan atau tolak permohonan jaminan adalah fungsi kehakiman agar sesuatu kekhilatan di dalam memenuhi tugas ini tidak tidak merupakan alasan untuk tuntutan sivil.¹⁶

Pun begitu apabila kita merujuk kepada keputusan kas-kes di Malaysia, keadaan sebaliknya telah berlaku. dalam kes Maja anak Kus lwn PP¹⁷, pihak perayu telah membuat aduan banawa dia sepatutnya diberikan jaminan sebab kesalahan yang dilakukannya ialah kesalahan boleh jamin. Pihak polis bagaimanapun telah

berjaya memohon dilanjutkan tempoh tahanan mengikut seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa sememangnya pihak perayu mempunyai hak kepada jaminan. Tetapi hak tersebut tertakluk kepada kuasa yang diberikan kepada Majistret oleh seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah untuk menahan seorang yang dicurigai bagi menyelesaikan penyiasatan polis.

2.2 Jaminan terhadap kesalahan yang tidak boleh jamin

Manakala jaminan terhadap kesalahan yang tidak boleh dijamin telah disebut di dalam seksyen 388 Kanun Prosedur Jenayah. Bermula dari seksyen 388(i) hingga 388(iii) sahaja dirujuk. Ini kerana seksyen 388(iv) dan (v) adalah mengenai jaminan pada peringkat perbicaraan.

Di dalam kesalahan boleh jamin (seksyen 387) manakala pegawai polis berpangkat tidak kurang dari Koperal sahleh melepaskan sifitudoh dengan jaminan. Manakaia di dalam kesalahan tidak boleh jamin (seksyen 388) mananya Ketua Balai Polis sahaja mempunyai kuasa melepaskan dengan jaminan. Begitu juga seksyen 387 sahleh menggunakan perkataan "hendaklah" dilepaskan dengan jaminan. Manakala seksyen 388 pula menggunakan perkataan "bolehlah" dilepaskan dengan jaminan. Secara

umumnya dapatlah dikatakan bagi kesalahan tidak boleh jamin. jaminan adalah mengikut budibicara (discretion) mahkamah atau Ketua Balai Polis.¹⁸

- Seksyen 388 terah merujuk kepada tiga jenis pesalah iaitu :

- a) bagi kesalahan tidak boleh jamin, meliputi kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup, di mana tiada alasan yang cukup bagi mempercayai dia bersalah.
- b) bagi kesalahan tidak boleh jamin, meliputi kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup, di mana ada alasan yang cukup bagi mempercayai dia bersalah.
- c) bagi kesalahan tidak boleh jamin, meliputi kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup, di mana ada alasan yang cukup bagi mempercayai dia bersalah, tetapi pesalah adalah samada perempuan atau di bawah enam belas tahun atau orang sakit ataupun lumpuh.

Bagi pesalah katogeri (a) dan (c), mahkamah berikan kuasa budibicara untuk melepaskan dengan jaminan. Manakala bagi pesalah katogeri (b) mahkamah tidak kuasa budibicara berbuat demikian.

19

Ini nampaknya apabila mahkamah atau pegawai polis sekurang-kurangnya Ketua Balai Polis, tidak mempunyai alasan yang cukup (reasonable grounds) mempercayai bahawa sedituduh tersebut bersalah, dia boleh dilepaskan dengan jaminan walaupun kesalahan yang dilakukannya adalah kesalahan tidak boleh jamin.

Begitu juga seorang perempuan atau pesalah muda (youthful offender) yang mana walaupun mahkamah atau pegawai polis mempunyai alasan yang cukup bagi mempercayai mereka bersalah terhadap kesalahan tidak boleh jamin, boleh dilepaskan dengan jaminan mengikut peruntukan seksyen 388 tadi.

Pun begitu keputusan yang dibuat oleh mahkamah nampaknya berbeza. Di dalam kes Regina lwn Ooi Ah Kow²⁰ Nakim Spenser Wilkinson memutuskan bahawa Majistret tidak mempunyai kuasa untuk melepaskan dengan jaminan kerana "jika tidak ada sekurang-kurangnya alasan yang cukup bagi mengesyaki bahawa sedituduh bersalah dapat dianggap dia tidak akan ditahan di dalam beberapa

ahanan sebelum ini".

Di sini mahkamah telah membuat anggapan jika seseorang diituduh dengan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan pernah dihukum beberapa kali bermakna menjadi alasan bagi mengesyaki dia bersalah. Sedangkan peruntukan seksyen 38 merujuk kepada alasan bagi mempercayai (reasonable grounds) bukan mengesyaki (suspicion). Di mana alasan sebelum ini boleh menimbulkan syak tetapi tidak boleh menjadi alasan yang cukup bagi mempercayai diituduh bersalah. Majistret sepertutnya mempunyai undibicara untuk melepaskannya dengan jaminan²¹.

Di dalam kes Sulaiman bin Kadir lwn PP²², Hakim turun berpendapat bahawa Majistret mempunyai kuasa untuk memberikan jaminan di dalam semua kes termasuklah kes yang tidak dibicarakan olehnya, kecuali kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup, di mana hanya Hakim sahaja boleh memberikan jaminan.

Jika seseorang telah melakukan kesalahan yang tersebut tadi masih perlu dibuktikan bahawa terdapat alasan yang cukup bagi mempercayai dia bersalah, sebelum menegah seseorang Majistret memberikan jaminan²³.

Manakala subseksyen (ii) pula membolehkan pegawai polis atau mahkamah melepaskan dengan jaminan apabila ada alasan yang cukup bagi mempercayai bahawa tertuduh telah melakukan kesalahan tidak boleh jamin. Tetapi ada aiasan yang cukup untuk menjalankan siasatan selanjutnya terhadap kesalahan itu. Kesalahan yang tidak boleh dijamin di sini bukanlah sanaja merujuk kepada kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup. Oleh itu ia nampaknya bertukar dari kesalahan yang tidak boleh dijamin kepada kesalahan yang boleh dijamin. Sementara menantikan siasatan itu, tertuduh bolehlah dilepaskan dengan jaminan. Ataupun mengikut budibicara pegawai polis atau manakamah bolehlah ia menyempurnakan bon personal tanpa penjamin.²⁴

Oleh kerana seksyen 388 memberi kuasa budibicara kepada mahkamah untuk melepaskan dengan jaminan bagi kesalahan yang tidak boleh jamin, perlulah dipertimbangkan beberapa faktor yang berkaitan. Antaranya apa yang disebut di dalam Mallal's Criminal Procedure Code sebanyak 12 faktor iaitu :

- i. samada terdapat alasan yang cukup bagi mempercayai bahawa sedituduh bersalah.
- ii. keadaan semulajadi dan keseriusan kesalahan.

- iii. pertimbangan terhadap keterangan bagi menyokong pertuduhan itu.
- iv. pertimbangan terhadap berat atau ringannya hukuman yang boleh dikenakan terhadap tertuduh.
- v. jaminan bahawa jika sidituduh dilepaskan, dia tidak akan mlarikan diri atau menganggu pendakwaan dalam apa cara sekaliipun.
- vi. bahaya kesalahan tersebut akan berulang semula.
- vii. bahaya gangguan terhadap saksi-saksi.
- viii. samada jika sidituduh dilepaskan dengan jaminan akan menyebabkan gangguan terhadap keterangan pendakwaan.
- ix. samada sidituduh akan mengemukakan keterangan palsu bagi menyokongnya.
- x. peiuang sidituduh bersiapsedia bagi mempertahankan dirinya.
- xi. kelakuan (means and standing) sidituduh.
- xii. tempoh tahanan sidituduh yang lama dan kemungkinan dilanjutkan penangguhan²⁵.

Di dalam kes PP lwn Wee Swee Siang²⁶, Hakim Carlow senyenaraikan sembilan faktor yang hampir sama dengan faktor-faktor tadi.

Manakala di dalam kes Che Su binti Daud lwn PP²⁷.

Takim Gunn Chit Tuan juga menyebut sembilan faktor seperti di dalam kes Wee Swee Siang, tetapi mengatakan iaanya tidak mencukupi. Sedangkan mengikut peruntukan Seksyen 388 Kanun Prosedur Jenayah ada menyebut tentang persoalan usia muda, jantina dan kesihatan situduh, yang mana perlu dipertimbangkan oleh mahkamah yang menggunakan kuasa budibicaranya.

5 Tahanan Pra-bicara menurut perspektif Islam

Tahanan yang menjadi topik perbincangan kajian ini adalah tahanan sebelum perbicaraan. Ia disebut "qabsu al-Huttaham" atau tahanan orang yang tertuduh.²⁸ Ia juga dipanggil "al-Qabsu Al-Intiyati", sebagai langkah berjaga-jaga yang dikenakan kepada tertuduh sebelum dibuktikan kesalahannya.²⁹

Ibn Qayyim Al-Jauziyyah telah menyebut mengenai tahanan orang yang dituduh dengan berkata :

القسم الثاني: أن يكون المتهم مجهول الحال لا يعرف ببر
ولا يخور هذا بحسب حتى ينكشف حاله عند
عامة علماء المؤمنين بأمر.

Maksudnya. Bahagian kedua (dari pendakwaan); ialah apabila orang yang tertuduh tidak diketahui keadaannya samada seorang yang baik atau jahat (seperti seorang pesalah kali pertama), ia bolehlah ditahan sehingga ternyata keadaannya mengikut pendapat kebanyakan ujama Islam.³⁰

Manakala jika orang yang tertuduh telah diketahui dan dikenali sebagai orang jahat (seperti pesalah ziman) yang mana telah sabit kesalahannya di masa lalu seperti mencuri, membunuh dan sebagainya. Oleh itu penahanan mereka adalah lebih patut.³¹

Begitu juga Qādi boleh menahan orang yang tertuduh dan menangguhkan kesnya apabila terdapat nyak kes-kes yang terdahulu.³²

Abu Bakar Al-Khaṣṣaf mengatakan apabila Qādi menerima aduan seseorang samada dengan cara pengakuan (qirār) atau melalui pembuktian tentang hartanya, Qādi tersebut boleh menahan orang yang tertuduh. Di mana dia akan merekodkan tahanan itu dan menulis nama tahanan serta tarikh tahanan dibuat.³³

Begitu juga Qādi boleh menahan orang yang tertuduh di atas kesaksian oleh saksi yang adil. Namun, jika saksi tersebut tidak adil, Qādi tidak

empunya i kuasa menahaninya. Manakala jika kesaksian berikan oleh dua orang saksi walaupun tidak diketahui sat adil mereka, Qadi boleh menahan orang yang tertuduh.³⁴

Tahanan sebenarnya telah pun diperaktikkan pada masa Rasulullah s.a.w., begitu juga semasa pemerintahan caliph-khalifah selepas baginda. Yang mana bertujuan menjaga keamanan dan kepentingan umum, iaitu dengan mengenakan tahanan terhadap pesalah-pesalah yang boleh mengatangkan bahaya kepada umat Islam yang lain kiranya mereka dibiarkan lepas bebas.³⁵ Pun begitu untuk tahanan pada masa Rasulullah s.a.w. adalah berbeza dengan tahanan yang dilakukan oleh khalifah dalam selepas baginda.

Pada masa pemerintahan Rasulullah s.a.w. tahanan akanlah merupakan kurungan di dalam tempat yang sempit. Tapi dengan cara menegah orang yang tertuduh menjalankan urusan dengan sendiri dan meletakkan pengawal untuk mengawasi urusannya.³⁶ Hai ini bagaimana yang diistilahkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai "Asiran" atau orang tawanan.³⁷

Manakala semasa pemerintahan saidina Umar sebagai caliph Islam yang kedua selepas Rasulullah s.a.w.,

lan ada bentuk baru tahanan terhadap orang yang tertuduh. Hal ini disebabkan oleh pertambahan penduduk negara itu. Di mana saidina 'Umar telah membeli sebuah rumah untuk dijadikan tempat tahanan.³⁸

Oleh itu terdapat dua bentuk tahanan. Tahanan pertama di mana orang yang dituduh ditegah menjalankan usaha dengan sendiri dan diawasi oleh seorang pengawal dari pihak pendakwa. Manakala tahanan bentuk kedua adalah dengan menahan orang yang tertuduh di suatu tempat yang khusus seperti di penjara.

Tahanan bentuk pertama telah dipersetujui oleh para fuqahā' Islam. Tetapi tahanan bentuk kedua pula mendapat perselisihan di antara mereka. Pun begitu sebagian atau kebanyakan 'uimā' menerima tahanan bentuk kedua, ini berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh saidina 'Umar yang membeli sebuah rumah dari alwan ibn 'Amiyyah dengan harga empat ribu untuk dijadikan tempat tahanan.³⁹

Orang yang ditahan mengikut bentuk yang kedua pun tidak dibenarkan lepas keluar. Tempat tahanan tersebut juga tidak boleh dimasuki oleh orang lain kecuali ahli keluarga atau jiran orang yang tertuduh tersebut.

bertujuan untuk mengadakan perbincangan mengenai suhan ke atasnya dan menyediakan pembebasan. Pun itu mereka tidak dibenarkan tinggal lama¹⁰.

Sebenarnya Hadith yang menyebut mengenai peristiwa ini dari Rasulullah s.a.w. terhadap orang yang di tuduh mengandung beberapa versi. Pertama padaimana yang diriwayatkan oleh Bahzi bin Hakim menyebut :

عَنْ بَهْزِيْبِنْ حَاكِمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ (ص) حَبِّسَ رَجُلًا فِي تَهْمَةٍ ثُمَّ خَلَى عَنْهُ

Maksudnya, Dari Bahzi bin Hakim dari bapanya dan dari datuknya telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah menahan seorang lelaki yang dituduh dengan suatu tahanan kemudian melepaskannya¹¹.

Secakai Abu Hurairah juga telah meriwayatkan kejadian tersebut dengan menyebut :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ (ص) حَبَسَ فِي تَهْمَةٍ يَوْمًا وَلَيْلَةً

Maksudnya, diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. telah menahan seseorang dengan suatu tahanan selama sehari semalam¹².

Imam Bukhari puji telah membuat satu rasa i dalam sururnya mengenai keharusan tahanan orang yang

tertuduh dilakukan di Tanah Haram Mekah. Ini sebagai penolak pendapat Tawas yang tidak membenarkannya⁴³.

Pun begitu ada pendapat fuqaha yang tidak membenarkan tahanan orang yang tertuduh kecuali sertakan bukti yang kuat. Sebaliknya jika pihak mendakwa hanya mengemukakan bukti yang lemah, tahanan tersebut tidak dibenarkan. Ini kerana tahanan itu dianggap suatu kesiksaan. Oleh itu ia tidak boleh dikenakan terhadap orang yang belum sabit kesalahannya kecuali ada bukti yang kuat⁴⁴.

Begitu juga ada pendapat dari mazhab Shafei seperti Al Mawardi yang membataskan kuasa menahan orang yang tertuduh. Di mana Qadi atau Hakim tidak mempunyai kuasa tersebut. Ianya hanyalah terbatas kepada pihak emerintah sahaja⁴⁵.

Perbincangan mengenai tahanan terhadap orang yang tertuduh hendaklah dikaitkan dengan jaminan. Di mana pihak pendakwa boleh membuat permohonan menahan tertuduh ataupun diberikan jaminan. Ini untuk mengelakkan orang yang tertuduh melarikan diri dari perbicaraan⁴⁶.

Sejitu juga Hakim boleh menahan orang yang bertuduh yang enggan memberikan jaminan kerana ia merupakan hak yang mesti dicuraukannya.⁴⁷

4. Jaminan mengikut perspektif Islam

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa persoalan mengenai jaminan terhadap orang yang tertuduh adalah berkait rapat dengan tahanan terhadapnya. Jaminan pun ialah diberikan samada di dalam kes mengenai harta atau人身焉. ⁴⁸

Para fuqaha Islam telah bersepakat bahawa jaminan secara umumnya dibolehkan terhadap orang yang tertuduh. Ini berdasarkan perbuatan Rasulullah s.a.w. itu menjamin orang yang tertuduh dengan tehmahan⁴⁹ - sejoli di dalam beberapa percajauan (bagi kesalahan tuduh) di mana mereka telah berselisih pendapat, yang mana akan dibincangkan kemudian.

Malah Dr. Wahbah Al Zuhaili menyatakan jaminan bolehkan berdasarkan dalii dari Al Quran, Hadith dan amak (persepakatan 'Ulamā').⁵⁰

sebagaimana firman Allah s.w.t . . .

**قالوا ن فقد صواع المثلث و ممن جاء به حمل
بعير و انا به زعيم .**

Maksudnya, Mereka berkata, kamu kehilangan alat timbangan Raja. Sesiapa yang dapat mengembalikannya akan memperolehi bahan makanan (seberat) satu kadar muatan unta, dan aku menjamin terhadapnya.⁵¹

Ditul juga Hadith Rasulullah s.a.w. yang menyebut :

عن جابر رضي الله عنه قال : توفى رجل منا فنفسنا
وحصنه وكفناه ثم أتينا به رسول الله (ص) فقلنا
نصلى عليه؟ فخطأ خطأ ثم قال أعلية دين؟ فقلنا
دينارات . فانصرف فتحملها أبو قتادة فأتياه
فتال أبو قتادة ، الدینارات على . فقال
رسول الله (ص) حق الغريم وبرىء منهـا الميت ،
قال نعم . فصلى عليه .

Maksudnya, Dari Jaber r.e. beliau berkata, seorang lelaki dari kalangan kami telah meninggal dunia lalu kami memandinnya, membubuh ubat dan mengkafankannya. Kemudian kami berjumpa Rasulullah s.a.w. dan bertanya, Adakah tuan akan menjawab tentangnya ? Lalu baginda melangkah satu langkah menuju embanjangkannya ? Lalu baginda pun menanggung hutang ? Kami kemudian bertanya, Adakah dia menanggung hutang ? Kami menjawab : (ya) dua dinar. Lalu baginda pun berpaling. Lantas Abu Qatadah berkata beliau sanggup menanggung (menjamin) hutang tersebut. Kami pun berjumpa dengannya (menjamin) hutang tersebut. Kami pun berpaling dua dinar dan Abu Qatadah mengaku bantahan hutang dua dinar ditanggung olehnya. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda, (Hutang) adalah hak penjamin dan si mati tersebut terlepas. Beliau (Abu Qatadah) berkata, ya betul. Lalu Rasulullah s.a.w pun menyembahyangkan si mati.⁵²

beberapa

براف دبلار، دکن
دعا دینار
دینار دینارات
بیت دینار

ada ketika yang lain apabila Rasulullah s.a.w. adapti bahawa si mati menanggung hutang, baginda sahada :

"Saya adalah orang yang lebih dekat kepada orang-orang Mu'min, sesiapa yang meninggal dunia dan menanggung hutang saya adalah orang yang berkewajipan membawanya."⁵³

Mengikut pendapat Imam Abu Hanifah Qadi boleh mengambil jaminan dari orang yang tertuduh sehingga tempoh tiga hari. Manakala mengikut pendapat Abu Yusuf (murid beliau), jaminan boleh diberikan sehingga hari perbicaraan. Hal ini mengikut Al Khasṣaf bukan merupakan perselisihan pendapat sebab tempoh tiga hari tersebut ialah sehingga hari perbicaraan.⁵⁴

Jaminan terhadap orang yang tertuduh boleh diberikan bukan sahaja dalam bentuk harta tetapi juga munas diri. Di mana orang yang tertuduh boleh membuat jaminan diri bantahan dia akan hadir semasa perbicaraan.⁵⁵

Pun begitu para fuqaha telah bersejisisi pendapat mengenai jaminan bagi kesalahan Hudud. Imam Abu Hanifah ialah menolak jaminan bagi kesalahan Hudud secara umum. Ia berdasarkan kepada kaedah bahawa hukuman Hudud hendaklah dibatalkan apabila terdapat syubhah. Manakala murid-murid beliau iaitu Abu Yusuf dan Muhammad membolehkan jaminan bagi kesalahan Hudud yang

sa ketika yang lain apabila Rasulullah s.a.w. mendapati bahawa si mati menanggung hutang, baginda bersabda :

"Saya adalah orang yang lebih dekat kepada orang-orang Mu'min, sesiapa yang meninggal dunia dan menanggung hutang saya adalah orang yang berkewajipan membavarnya."⁵³

Mengikut pendapat Imam Abu Hanifah Qadi boleh mengambil jaminan dari orang yang tertuduh sehingga tempoh tiga hari. Manakala mengikut pendapat Abu Yusuf (murid beliau), jaminan boleh diberikan sehingga hari perbicaraan. Hal ini mengikut Al Khassaf bukan merupakan perselisihan pendapat sebab tempoh tiga hari tersebut ialah sehingga hari perbicaraan.⁵⁴

Jaminan terhadap orang yang tertuduh boleh diberikan bukan sahaja dalam bentuk harta tetapi juga munan diri. Di mana orang yang tertuduh boleh membuat munan diri bahawa dia akan hadir semasa perbicaraan.⁵⁵

Pun begitu para fuqaha telah bersejisisi pendapat mengenai jaminan bagi kesalahan Hudud. Imam Abu Hanifah telah menolak jaminan bagi kesalahan Hudud secara umum. ni berdasarkan kepada kaedah bahawa hukuman Hudud sendakian dibatalkan apabila terdapat syubhah. Manakala murid-murid beliau iaitu Abu Yusuf dan Muhammad membolehkan jaminan bagi kesalahan Hudud yang

bersangkutan dengan hak manusia, seperti kesalahan mencuri dan tuduhan zina (qazaf)⁵⁶:

Begitu juga Imam Shafei membenarkan jaminan bagi kesalahan Hudud yang bersangkutan dengan hak manusia seperti mencuri dan memburuh. Manakala bagi kesalahan perhubung dengan hak Allah seperti kesalahan meminum alkohol, jaminan tidak dibenarkan.⁵⁷

Hal ini sebenarnya berdasarkan kepada Hadith yang menunjukkan bahawa jaminan tidak dibolehkan bagi kesalahan Hudud. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُمَرِ بْنِ شَهَابٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ :
فَالرَّسُولُ لَا يَكْفَلُهُ فِي حُدُودٍ .

Maksudnya, Diriwayatkan oleh Amrū Ibnu Shihāb dari bapanya dari datuknya, berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Jaminan tidak dibolehkan bagi kesalahan Hudud.⁵⁸

Mengikut Dr. Wahbah Al-Zuhaili, pendapat Imam Abu Hanifah bahawa jaminan tidak dibenarkan bagi kesalahan Hudud bermakna tidak boleh dipaksa memberikan jaminan. Apabila itu orang yang tertuduh tidak boleh dicaksa memberikan jaminan bagi kesalahan Hudud. Tetapi jika jaminan diberikan secara sukarela, ianya dibolehkan.⁵⁹

OTA KAKI FASAL KETIGA

SEKSYEN 117 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

SEKSYEN 145(ii) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

Tan Boon Eng, Custody Pending Trial Or Bail System In The Lower Court, "Kertas Projek Fakulti Undang-undang Universiti Malaya", sesi 1976/77, m.s 34.

SEKSYEN 68, 69, 173A DAN 294 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

sebagaimana SEKSYEN 118 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

Mimi Kamariah Majid, Criminal Procedure in Malaysia, Kuala Lumpur: Department of Publications, Universiti of Malaya, 1987), m.s 261.

sebagaimana SEKSYEN 3 KANUN PROSEDUR JENAYAH.

Sailing Iwn Emporar, A.I.R. 1943 Allah. 26.

Muzafaruddin Iwn State of Hyderabad, A.I.R. 1953 219.

Lihat kes Zaharul Haque Iwn State, A.I.R. 1950 Madh 13

Mairan Das Iwn Emporar, 46 Cr. L.J. 662.

Simi Kamariah Majid, op.cit. m.s 261.

Suleiman bin Aris, Hak-hak Sedituhan Pra-perbicaraan di Malaysia, "Kertas Projek Fakulti Undang-undang Universiti Mataya", 1978, m.s illi.

Lihat juga kes The Crown Iwn Mankar Lai, 48 Cr.L.J. 656.

P Iwn Lim Kwang Seng, (1956) M.L.J. 178.

Lihat kes Rex Iwn Ganda Singh & Ors., A.I.R (1950) 525

Suleiman b. Aris, op.cit. m.s ill2, ill3.

Maja anak Kus Iwn PP, (1985) 1 M.L.J. 311.

Simi Kamariah Majid, op.cit. m.s 262.

Regina lwn Ooi Ah Kow. (1952) M.L.J. 95.

limi Kamariah Majid, op.cit. m.s 263.

Sulaiman bin Kadir lwn PP. (1976) 2 M.L.J. 263.

limi Kamariah Majid, op.cit. halaman yang sama.

seksyen 388(11) KANUN PROSEDUR JENAYAH.

Bashir Mallai, Mallai's Criminal Procedure Code, edisi 4. (Singapore: Malayan Law Journal, 1957), m.s 55.

PP lwn Wee Swee Siang. (1948) M.L.J. 114.

The Subinti Daud lwn PP. (1978) 2 M.L.J. 162.

Abmad Al Ḥasrī, Tilμu Al Qadā', juzuk 1. (Kaherah: Maktaban Al Kulliyān Al Azhāriyyah, 1977), m.s 50, 51.

Mu'awwad 'Abdūl Al Tawwab, Al Habsu Al Iḥtiyāṭi.

(Ilskandariah: Al Ma'ārif, 1987), m.s 11.

Lihat juga Abmad Al Ḥasrī, op.cit. m.s 51.

Lihat juga Ahmad Fathi Bahnsi, Al 'Uqubah fi Al Fiqh

Al Islāmi, (Kaherah: Darul Al Shurūq, 1983), m.s 204.

Ibn Qayyim Al Jauziyyah, Al Turuq Al Hukmiyyah,
 (Kaherah: Muassasah Al Arabiyyah, 1961), m.s 118.

ibid. m.s 120.

ibid. m.s 119.

Abu Bakar Ibn 'Amrū Ibn Māhir Al Shaibānī Al Khassaf,
Kitab Adab Al Qadi, ed. Farahāt Ziyādah, (Kaherah:
 Al Jāmi'ah Al Imrīkiyyah, 1978), m.s 221.

ibid. m.s 220, 221.

Al Shaukānī, Nail Al Auṭār, (Kaherah: Maktabah Muṣṭafā
 Al Ḥalabi, 1971), m.s 343.

Ibn Qayyim Al Jauziyyah, op.cit. m.s 119.

Lihat juga, Wahbah Al Zuhaili, Al Fiqh Al Islāmi wa
 Adillatuh, juzuk 6, (Beirut: Darul Fiqr, 1984),
 m.s 509.

Al Shaukānī, op.cit. m.s 171.

Lihat juga Ibn Qayyim Al Jauziyyah, op.cit. m.s 119.

Ibn Qayyim Al Jauziyyah, ibid. halaman yang sama.

Lihat juga Wahbah Al Zuhaili, op.cit. m.s 509.

Ibn Qayyim Al Jauziyyah, op.cit. m.s 120.
 lihat juga Ibrāhīm Ibn Ḥalīl Ibn Yūsuf Al Shīrāzī,
Al Muḥazzab fi Fiqh Al Imām Al Shāfi’i, cetakan 2.
 (Kaherah: Maktābat Muṣṭafā Al Halabi, 1959), m.s 295.

Al Kasāni, Kitab Bada’i u Al-Sanā’i fi Tartib Al-Sharā’i, juzuk 7, cetakan 2. (Beirut: Darul Al Ḥadīth, 1986), m.s 174.

lihat juga, Al Haškāfā, Sharhu Al Qāri Al Mukhtār, juzuk 2. (Mesir: Maktābat ‘Alī Sobīh, t.t.), m.s 140.

Al Shaukāni, op.cit. m.s 171.

ibid. m.s 343.

Badrul Al Ddin Abi Muḥammad Ibn Aḥmad Al ‘Aini,
‘Umdatui Al Qāri fi Sharhi Sahih Al Bukhāri, juzuk 12,
 (Beirut: Darul Al Fikr, t.t.), m.s 261, 262.

Ibn Qudāmah, Al Muqni, juzuk 9. (Riyad: Maktābah
 Riyad Al Ḥadīthah, 1981), m.s 225.

Al Mawardi, Kitab Al Ahkām Al Sultāniyyah, (Beirut:
 Darul Al Fikr, 1966), m.s 229.

Ibn Qudāmah, op.cit. m.s 225.

47

Wahbah Al Zuhaili. Al Fiqh Al Islami wa Adillatuh, juzuk 5, (Beirut: Darul Al Fikr, 1984), m.s 145.

48

ibid. m.s 144.

Lihat juga Sulaiman Al Bujairami. Bujairami 'ala Al Khatib, juzuk 3, (Mesir: Maktabah Mustafa Al Halabi 1951), m.s 103.

49

Muhammad ibn Isma'il Al Sahnani. Subul Al Ssalam, juzuk 3, (Kaherah: Maktabah 'Atif, t.t.), m.s 891.

50

Wahbah Al Zuhaili, op.cit. m.s 130.

51

surah Yusuf ayat 72.

52

Al Sahnani, op.cit. m.s 889.

53

ibid. m.s 890.

54

Al Khassaf, op.cit. m.s 216.

55

Al Bujairami, op.cit. m.s 102, 103.

56

Al Khassaf, op.cit. m.s 117.

7

Al Zuhaili. op.cit. m.s 146.

8

Al San'ani. op.cit. m.s 891.

9

Al Zuhaili. op.cit. m.s 145, 146.